

<h2>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</h2> <p>(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “<i>IKHLASlink Lady Secure Takaful Rider (dengan Manfaat Kehamilan dan Bersalin)</i>”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)</p>	<p><b>TAKAFUL IKHLAS BERHAD</b> (Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 and dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p><i>IKHLASlink Lady Secure Takaful Rider (dengan Manfaat Kehamilan dan Bersalin)</i></p> <p>Tarikh: 08/10/2018</p>										
<p><b>1) Produk apakah ini?</b></p> <p>Ini adalah rider yang berunit deduktif yang boleh disertakan kepada pelan-pelan Takaful berkaitan pelaburan di mana Sumbangan Takaful adalah berkala. Rider ini menyediakan perlindungan kepada Orang Yang Dilindungi terhadap mana-mana penyakit wanita khusus dan manfaat Kehamilan dan Bersalin seperti yang ditakrifkan di dalam Sijil Takaful Tambahan, dalam tempoh Sijil Takaful Tambahan.</p> <p>Rider ini hanya boleh disertakan kepada Sijil Takaful asas jika Orang Yang Dilindungi dalam Sijil Takaful asas ialah Orang Yang Dilindungi yang sama dalam <i>IKHLASlink Lady Secure Takaful Rider</i>.</p>											
<p><b>2) Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tabarru'</b> – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta-peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.</li> <li>• <b>Wakalah</b> – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks Takaful Ikhlas, pihak Syarikat dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan Yuran Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat.</li> </ul>											
<p><b>3) Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?</b></p> <p><b>i) Penyakit-penyakit Khusus Wanita</b></p> <p><b>a) Kanser Berkaitan Wanita</b></p> <p>Jika Orang Yang Dilindungi sebelum tarikh Matang/ Tamat dan sebelum mencapai umur lapan puluh satu (81) tahun hari jadi yang akan datang, pertama kali didiagnosis dengan mana-mana salah satu daripada Kanser Berkaitan Wanita yang dinyatakan di bawah, 100% daripada Amaun Perlindungan akan dibayar. Selepas itu, Sijil Takaful Tambahan ini akan ditamatkan.</p> <table border="1" data-bbox="310 1570 1458 1856"> <thead> <tr> <th>Senarai Kanser Berkaitan Wanita Yang Dilindungi</th> <th>Manfaat Dibayar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1) Kanser Payu Dara</td> <td rowspan="7">RM10,000</td> </tr> <tr> <td>2) Kanser Serviks Uterus</td> </tr> <tr> <td>3) Kanser Tiub Fallopio</td> </tr> <tr> <td>4) Kanser Ovari</td> </tr> <tr> <td>5) Kanser Uterus</td> </tr> <tr> <td>6) Kanser Vagina/Vulva</td> </tr> <tr> <td>7) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk</td> </tr> </tbody> </table>		Senarai Kanser Berkaitan Wanita Yang Dilindungi	Manfaat Dibayar	1) Kanser Payu Dara	RM10,000	2) Kanser Serviks Uterus	3) Kanser Tiub Fallopio	4) Kanser Ovari	5) Kanser Uterus	6) Kanser Vagina/Vulva	7) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
Senarai Kanser Berkaitan Wanita Yang Dilindungi	Manfaat Dibayar										
1) Kanser Payu Dara	RM10,000										
2) Kanser Serviks Uterus											
3) Kanser Tiub Fallopio											
4) Kanser Ovari											
5) Kanser Uterus											
6) Kanser Vagina/Vulva											
7) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk											

## b) Penyakit Berkaitan Wanita

Jika Orang Yang Dilindungi sebelum Tarikh Matang/ Tamat dan sebelum mencapai umur lapan puluh satu (81) tahun hari jadi yang akan datang, pertama kali didiagnosis mana-mana satu Penyakit Berkaitan Wanita yang dinyatakan di bawah, tiga puluh peratus (30%) daripada Amaun Perlindungan akan dibayar secara pra-bayar. Baki Amaun Perlindungan akan dibayar sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnosis menghadapi mana-mana satu Kanser Berkaitan Wanita seperti yang dinyatakan di bahagian 3 i) a). Selepas itu, Sijil Takaful Tambahan ini akan ditamatkan.

Senarai Penyakit Berkaitan Wanita yang Dilindungi	Manfaat Dibayar
1) Karsinoma-in-situ Payu Dara atau Serviks Uterus	RM 3,000
2) Arthritis Reumatoid dengan Komplikasi	
3) Pembedahan Rekonstruktif Payu Dara akibat Kemalangan	
4) Pembedahan Rekonstruktif Muka akibat Kemalangan	
5) Pembedahan Kulit akibat Kanser Kulit	
6) Fraktur Osteoporotik	

## ii) Manfaat-manfaat Kehamilan dan Bersalin

Jika Orang Yang Dilindungi sebelum Tarikh Matang/ Tamat dan sebelum mencapai umur empat puluh enam (46) tahun pada hari jadi yang akan datang, pertama kali didiagnosis dengan mana-mana salah satu daripada peristiwa yang dinyatakan di bawah, 100% daripada Amaun Perlindungan di bawah Manfaat Kehamilan dan Bersalin akan dibayar. Selepas itu, manfaat ini akan ditamatkan. Amaun Perlindungan di bawah manfaat ini adalah 30% daripada Amaun Perlindungan di bawah *IKHLASlink Lady Secure Takaful Rider*, tertakluk kepada maksimum sebanyak RM45,000. Manfaat-manfaat ini akan dibayar secara tambahan kepada Amaun Perlindungan bagi *IKHLASlink Lady Secure Takaful Rider*.

Amaun Perlindungan untuk manfaat ini adalah RM3,000

### a) Komplikasi Kehamilan

Manfaat-manfaat
1) Kematian Orang Yang Dilindungi dalam tempoh 42 hari selepas bersalin
2) Kematian Neonatal, dalam tempoh 28 hari kelahiran
3) Lahir Mati, selepas 195 hari kehamilan
4) Penamatan Kehamilan Ektopik
5) Penyebaran Penggumpalan Intravaskular

### b) Penyakit Kongenital Bayi

Manfaat-manfaat
1) Sindrom Down
2) Spina Bifida
3) Tetralogi Fallot
4) Transposisi Pembuluh Utama
5) Lelangit Rekah

### c) Manfaat-manfaat Perubatan dan Kemasukan ke Hospital

#### 1) ICU/HDU untuk Kelahiran Prematang

Sebelum Sijil Takaful Tambahan Matang atau Tamat, 0.3% daripada Amaun Perlindungan akan dibayar sehari, sehingga maksimum 30 hari untuk ICU/HDU untuk kelahiran prematang.

**2) Bantuan Inkubasi Kelahiran Awal**

Sebelum Sijil Takaful Tambahan Matang atau Tamat, 0.1% daripada Amaun Perlindungan akan dibayar sehari, sehingga 60 hari untuk bantuan inkubasi kelahiran awal.

Manfaat-manfaat Perubatan & Kemasukan ke Hospital	Manfaat Dibayar
1) ICU / HDU untuk Kelahiran Prematung	RM30sehari
2) Bantuan Inkubasi Kelahiran Awal	RM10 sehari

Jumlah di bawah manfaat ini akan dibayar secara pra-bayar daripada Amaun Perlindungan.

**4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?**

Tiada Sumbangan Takaful tambahan yang dikenakan ke atas rider ini kerana caj Tabarru' akan ditolak daripada Dana Unit daripada Sijil Takaful asas. Walau bagaimanapun, caj Tabarru' adalah TIDAK DIJAMIN dan boleh berubah dari semasa ke semasa dengan memberi tiga (3) bulan notis kepada Peserta Takaful sebelum ulang tahun Sijil Takaful.

**5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?**

- a) Yuran Wakalah – tidak dikenakan.
- b) Caj Tabarru' akan ditolak daripada Dana Unit Sijil Takaful asas secara bulanan (melalui penolakan unit-unit mengikut harga unit). Tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Orang Yang Dilindungi. Butiran amaun tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam ilustrasi manfaat.

**6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?**

- a) Kepentingan pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- b) Tempoh Bertenang – anda boleh membatalkan Sijil Takaful Tambahan dengan mengembalikan Sijil Takaful Tambahan tersebut kepada pihak Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful Tambahan diterima. Syarikat akan membatalkannya dengan serta-merta setelah penerimaannya.
- c) Tempoh menunggu untuk pelan ini ialah:
  - i) 60 hari daripada tarikh kuat kuasa atau penguatkuasaan semula untuk semua Kanser Berkaitan Wanita atau Penyakit Berkaitan Wanita;
  - ii) 10 bulan daripada tarikh kuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula untuk Manfaat-manfaat Kehamilan dan Bersalin;
  - iii) Tempoh menunggu tidak dikenakan ke atas manfaat ICU/ HDU untuk Kelahiran Prematung dan Bantuan Inkubasi Kelahiran Awal. Manfaat-manfaat tersebut berkuatkuasa dengan serta-merta selepas kelahiran.
- d) Nilai Dana Unit daripada Sijil Takaful asas bergantung kepada prestasi dana-dana pelaburan yang dipilih. Semakin tinggi tahap perlindungan Takaful yang dipilih, maka lebih banyak nilai unit-unit yang akan diserap untuk membayar caj-caj Tabarru' dan, unit-unit yang kekal untuk nilai tunai terkumpul di bawah Sijil Takaful anda akan berkurang.

- e) Pendapatan pelaburan sebenar mungkin turun naik berdasarkan keadaan pasaran. Oleh yang demikian, jumlah yang terkumpul di dalam Dana Unit Sijil Takaful asas boleh meningkat naik atau menjadi kurang dari jumlah sumbangan Takaful dibuat ke dalam Dana Unit Sijil Takaful asas (berkemungkinan menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
- f) Sijil Takaful luput - Sijil Takaful akan luput apabila nilai unit-unit pelaburan adalah tidak mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj-caj yang lain.
- g) Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar yang diisytiharkan pada setiap akhir Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.
- h) Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan-sumbangan Takaful.
- i) Sekiranya anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami (bagi kes-kes standard sahaja).
- j) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menfaikikan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah di kemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.
- k) Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan membayar sebarang amaun manfaat apabila Sijil Takaful Tambahan tamat, matang atau tamat tempoh.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

## 7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful Tambahan ini tidak melindungi sebarang penyakit kritikal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh salah satu dari kejadian berikut:

Pengecualian untuk Manfaat Kanser Berkaitan Wanita & Penyakit Berkaitan Wanita:

- a) Sebarang Kanser Berkaitan Wanita/ Penyakit Berkaitan Wanita, yang berlaku sebelum hari ke enam puluh (60) selepas tarikh kuat kuasa atau penguatkuasaan semula Sijil Takaful Tambahan ini, yang mana terdahulu; atau
- b) Sebarang Kanser Berkaitan Wanita/ Penyakit Berkaitan Wanita, yang berlaku pada tarikh kuat kuasa atau penguatkuasaan semula Sijil Takaful Tambahan ini, yang mana terdahulu; atau sebarang Kanser Berkaitan Wanita/ Penyakit Berkaitan Wanita yang disebabkan oleh kecederaan diri sendiri yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman.

Pengecualian Manfaat Kehamilan dan Bersalin:

- c) Sebarang peristiwa Kehamilan atau Bersalin, yang berlaku sebelum sepuluh (10) bulan daripada tarikh kuat kuasa atau penguatkuasaan semula Sijil Takaful Tambahan, yang mana terdahulu; atau
- d) Sebarang peristiwa Kehamilan atau Bersalin, yang wujud pada tarikh kuat kuasa atau penguatkuasaan semula Sijil Takaful Tambahan, yang mana terdahulu; atau sebarang peristiwa Kehamilan atau Bersalin yang disebabkan oleh kecederaan diri sendiri yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman.

Lain-lain Pengecualian:

- e) Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara;
- f) Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insurreksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat;
- g) Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau berkumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan;
- h) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin;
- i) Ketidakupayaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan;
- j) Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicituskan olehnya;
- k) Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- l) Sebarang keadaan sedia ada sebelum penerimaan perlindungan;
- m) Jika penyakit tersebut didiagnos dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kuat kuasa Sijil Takaful Tambahan ini atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian, kecuali jika disebabkan oleh Kemalangan;
- n) Bagi Kanak-kanak sebagai Orang Yang Dilindungi, sebarang kecacatan atau kekurangan semenjak lahir adalah dikecualikan.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful ini.

**8) Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?**

Jika anda mendapati rider ini tidak lagi bersesuaian, anda boleh membatalkannya dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis.

**9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat (termasuk bagi penama) untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dan/atau penama dalam jangka masa ditetapkan.

**10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Berkaitan Pelaburan dan/atau Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan *info insurers* mengenai 'Takaful Berkaitan Pelaburan' dan/atau 'Takaful Perubatan dan Kesihatan'. Anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas Berhad**

Jabatan CRM  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2723 9696  
Faks: +603-2723 9998  
Laman sesawang: [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)  
Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati.**

Tiada

**NOTA PENTING:**

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA SIJIL TAKAFUL INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.**

*Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 08/10/2018*